

22/08/2004

UTP lahir graduan serba boleh

By Norzilawati Abdul Halim

UNIVERSITI Teknologi Petronas (UTP) kini boleh tersenyum bangga apabila Kompleks Canselori yang menjadi nadi kepada universiti itu akhirnya siap sepenuhnya dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Bandar Seri Iskandar, Perak, hari ini.

Diikuti pada sebelah petangnya, Majlis Konvokesyen UTP ke-4 yang disampaikan Canselor UTP, Tun Dr Mahathir Mohamad kepada 461 graduan membabitkan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat, Ijazah Sarjana Elektrikal, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Sarjana Muda Teknologi Sistem Maklumat, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Sivul.

Pasukan Projek UTP yang diketuai Mahadzir Saad, berkata dengan siapnya infrastruktur kampus dan kompleks baru itu, UTP semakin giat menjalankan penyelidikan kerana makmal kejuruteraan dilengkapi kemudahan terkini.

"Semua blok bangunan di kampus baru itu akan dihubungkan melalui rangkaian IT bertepatan dengan matlamat UTP untuk membudayakan IT sebagai salah satu alat pembelajaran di kalangan pelajar.

"Bagaimanapun, pembangunan fizikal kampus baru UTP itu tidak menjejaskan keseimbangan ekologi kerana hanya kira-kira 30 peratus kawasan hutan di tapak terbabit digunakan.

"Kampus UTP mampu menampung keperluan kemasukan pelajar diunjurkan mencecah 6,600 orang menjelang sesi pengambilan 2004 hingga 2007," katanya ketika memberi taklimat kepada pemberita yang melawat kampus itu di Bandar Seri Iskandar, Perak, baru-baru ini.

Mengenai latar belakang pembinaan kampus UTP, Mahadzer berkata, ilham pelaksanaan kampus UTP berdasarkan peralihan pemikiran abstrak ke pelaksanaan fizikal bermula dengan konsep bintang.

Tambah Mahadzir, konsep itu telah membentuk visi ketika mula-mula menubuhkan UTP dalam Pelan Induk Akademik disediakan oleh Arthur D Little pada Mac 1998.

Mengikut Pelan Induk Akademik, satu diagram berbentuk bulatan bagi membayangkan graduan serba boleh yang ingin dihasilkan oleh UTP, manakala anak panah yang bercabang dari pusatnya menunjukkan tujuh kualiti yang akan dimiliki oleh graduan UTP.

Katanya, UTP mengintegrasikan kemudahan canggih dengan kehijauan alam sekitar dan dirancang serta dilancarkan dengan sempurna bukan saja untuk kecemerlangan akademik tetapi juga fizikal dan rohani.

Reka bentuk grafik dan warna biru dan emas yang digunakan mencerminkan integrasi visi dan misi universiti untuk menjadi peneraju dalam bidang Pendidikan Kejuruteraan dan Teknologi selain menjadi Pusat Kreativiti dan Inovasi.

Penggunaan biru melambangkan fokus UTP dalam menghasilkan graduan yang menyeluruh dalam bidang kejuruteraan dan teknologi serta membuka peluang untuk menimba ilmu dan kepakaran.

Sementara warna emas menggambarkan tahap pencapaian daya kreatif dan inovasi yang tertinggi untuk mencorakkan masa depan yang lebih cerah.

"Buat pertama kali, UTP mengadakan Majlis Konvokesyen ke-4 di Kompleks Canselori selepas ia dirasmikan oleh Perdana Menteri pada hari ini.

"Kompleks canggih ini dilengkapi Dewan Utama yang boleh menampung 3,000 pelajar pada satu masa seperti majlis konvokesyen, persidangan atau peperiksaan.

"Selain itu, kompleks ini juga dilengkapi perpustakaan canggih yang

mempunyai 500,000 judul buku dengan kapasiti 2,000 pelajar serta pejabat pengurusan tertinggi universiti," katanya.

Beliau juga mengharapkan menjelang 2020, UTP akan menjadi peneraju dalam R&D dan pakar khidmat perundingan diiktiraf antarabangsa sebagai pilihan rakan industri, ahli yang setanding dalam masyarakat saintifik dan wadah inovatif bagi golongan penyelidik.

(END)